

Isu pencemaran alam sekitar sering dilaporkan dalam media massa. Tulis ulasan kamu tentang isu alam sekitar dalam bentuk perenggan. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

#### PENCEMARAN ALAM SEKITAR

- Pembuangan sampah ke dalam sungai
- Penebangan pokok tanpa kawalan
- Asap-asap dari kilang dan kenderaan



Pencemaran alam sekitar makin serius

Kerakusan segelintir pihak yang mementingkan diri sehingga mengetepikan aspek penjagaan alam sekitar menjadi punca utama pencemaran alam sehingga berlaku pemanasan global, pencemaran air, udara dan tanah serta peningkatan pembuangan sisa pepejal.

#### Sungai Pencala dicemari

Pembuangan sisa toksik dari kilang



Masalah \_\_\_\_\_ alam sekitar semakin \_\_\_\_\_. Isu ini tidak harus dipandang enteng kerana ianya mampu \_\_\_\_\_ kehidupan seharian kita. Terdapat beberapa punca terjadinya pencemaran alam sekitar.

Antaranya, sikap mementingkan diri menyebabkan sungai tercemar seperti membuang sampah ke dalam sungai mengakibatkan hidupan air terjejas. Seterusnya, menebang pokok tanpa \_\_\_\_\_ berupaya \_\_\_\_\_ flora dan fauna. Akhir sekali, \_\_\_\_\_ asap-asap dari kilang dan kenderaan menyebabkan udara tercemar dan mampu menjejaskan penyakit dan \_\_\_\_\_ global.

Kesimpulannya, kita wajar \_\_\_\_\_ bahu demi \_\_\_\_\_ alam sekitar.

(60 patah perkataan)

|           |            |             |
|-----------|------------|-------------|
| serius    | kawalan    | memelihara  |
| pemanasan | pencemaran | memusnahkan |
| pelepasan | berganding | menjejaskan |